



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MASJID JAMEK AL-MAHMUDIYYAH KINI DIKENALI SEBAGAI MASJID SULTAN MUHAMMAD V

LABUAN, 9 Februari 2018 – KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V hari ini berkenan bercemar duli ke Kampung Lajau, WP Labuan. Seri Paduka berkenan merasmikan Masjid Sultan Muhammad V bersempena dengan nama baginda yang sebelum ini dikenali sebagai Masjid Jamek Al-Mahmudiyyah. Baginda juga menunaikan solat Jumaat bersama-sama kira-kira 1,000 jemaah masjid. Ini merupakan lawatan kali pertama KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke WP Labuan sejak dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong pada tahun lepas.

Masjid Sultan Muhammad V ini boleh menampung sehingga 1,000 orang jemaah dalam satu masa. Pembinaan masjid ini menggunakan peruntukan daripada JAKIM dan Perbadanan Labuan sebanyak RM5.1 juta. Masjid ini merupakan masjid kedua terbesar di WP Labuan selepas Masjid Jamek An-Nur.

Sebelum majlis perasmian masjid ini turut diadakan Majlis Khatam Al-Quran Hari Wilayah Persekutuan bersama anak-anak komuniti Labuan sebagai pengisian kerohanian dan ilmiah agar dapat memantapkan sahsiah masyarakat dengan menjadikan Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan. Diharapkan program-program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 dapat menyatukan semua komuniti Wilayah Persekutuan serta mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Disediakan oleh

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan